

CNS9727

R GB 22-08 00163 BA996

bah

MAHATHIR HANTAR SURAT KEPADA MAJLIS KESELAMATAN PBB

Mahathir - Bosnia

LANGKAWI, 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menulis surat kepada semua anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mendesak majlis itu segera mengadakan mesyuarat membincangkan keganasan di Bosnia.

Perdana Menteri berkata sehingga ini beliau tidak mengetahui apakah reaksi para anggota Majlis Keselamatan itu terhadap suratnya kerana beliau baru saja menghantar surat itu.

+Saya tidak tahu sama ada mereka akan mengambil tindakan atau tidak,+ katanya kepada pemberita di lapangan terbang antarabangsa Padang Matsirat di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pagi ini. Dr Mahathir berada di sini sejak Rabu.

Beliau berkata sekiranya Majlis Keselamatan tidak mahu membuat keputusan berhubung isu Bosnia, Persidangan Agung PBB patut mengadakan persidangan khas bagi membuat sesuatu keputusan supaya PBB dapat bertindak.

Katanya Malaysia akan menyokong dan menyertai persidangan khas tu sekiranya ada desakan daripada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk mengadakannya. -- Lagi

♥22/08/12-06MST

CNS9729

R GB 22-08 00143 BA997

bah

Mahathir - Bosnia 2 Langkawi

+Kalau OIC kata patut ada persidangan khas, kita sokong dan kita akan menyertainya,+ tambahnya.

Ketika ditanya mengenai kira-kira satu pertiga daripada 60 negara yang telah menyatakan persetujuan memanggil sidang tergepar PBB adalah bukan anggota OIC tetapi sebaliknya anggota Pergerakan Berkecuali (NAM), Dr Mahathir berkata: +Saya menyambut baik perkara itu,+

Wakil Tetap Malaysia di PBB, Tan Sri Razali Ismail dilaporkan berkata Khamis lepas bahawa sehingga ini 60 negara telah menyatakan persetujuan memanggil persidangan khas PBB bagi membincangkan keganasan di Bosnia.

Razali juga tidak pasti sama ada persidangan khas itu dapat diadakan sebelum 26 Ogos, iaitu tarikh diadakan sidang mengenai Bosnia di London yang dianjurkan oleh Kesatuan Eropah (EC).

Dr Mahathir bagaimanapun berkata semua negara mestilah bersedia melaksanakan apa jua keputusan yang dicapai oleh PBB. -- Lagi

♥22/08/12-09MST

CNS9732

R GB 22-08 00137 BA998

bah

Mahathir - Bosnia 3 Langkawi

+Tiada gunanya kita mendesak supaya diambil tindakan tetapi kita tidak sanggup... (untuk melaksanakannya),+ kata Perdana Menteri.

Beliau berharap kali ini tidak berlaku seperti yang pernah berlaku ketika PBB hendak mengambil tindakan ke atas pencerobohan Korea Selatan oleh Korea Utara dan China pada satu ketika dahulu.

Katanya ketika itu negara-negara Barat mengetepikan Majlis Keselamatan kerana mereka tahu sekiranya perkara itu dibawa ke majlis berkenaan, ada anggota akan menentang, iaitu Soviet Union.

Menurutnya, oleh itu mereka mengetepikan Majlis Keselamatan dan terus membawa perkara itu ke Persidangan Agung PBB bagi membuat keputusan.

Perdana Menteri juga membidas negara-negara besar yang hanya pandai bercakap kononnya mereka berhak campurtangan urusan dalam negeri-negeri yang tidak menghormati hak asasi manusia atau melakukan tindakan yang tidak demokratik. -- Lagi

♥22/08/12-13MST

CNS9733

R GB 22-08 00081 BA999

bah

Mahathir - Bosnia 4 (Akhir) Langkawi

+Ini jelas sekali bahawa hak asasi manusia dicemar oleh Serbia dan mereka membuat tindakan yang tidak begitu demokratik.

+Jadi, kalau Barat bercakap bahawa mereka berhak, inilah masanya mereka menunjukkan hak itu... bukan ke atas negara-negara kecil,+ kata Dr Mahathir.

Katanya apa yang dilakukan oleh negara-negara kecil yang telah diambil tindakan oleh Barat tidak pun sampai pada tahap perbuatan yang telah dilakukan oleh Serbia. -- Bernama

♥22/08/12-15MST